

## Gedong dalam Catatan Pengembara

Sejak abad ke-7, Gedong telah wujud dan kemudiannya telah menjadi sebuah pelabuhan entrepot pedalaman. Hal ini terbukti dengan penemuan duit syiling emas Dinasti Tang pada kurun ke-7 dan kurun ke-10. Pada zaman pemerintahan kesultanan Brunei, sempadan pentadbiran adalah mengikut sempadan sungai-sungai, seperti sungai Sarawak, sungai Batang Sadong, sungai Kalaka dan sebagainya. Setelah kedatangan Brooke, dibuktikan secara bertulis pemerintahan Sadong berpusat di Gedong. Pada kurun ke-19, tercatat dalam sejarah dengan pelbagai ejaan sebagai Gudong, Gadong, Gading dan Gedong. Kegemilangan Gedong sebagai pusat pemerintahan Sadong mulai merosot, apabila pemerintahan Sadong telah diambil alih oleh pemerintahan Brooke daripada pemerintahan kesultanan Brunei di pertengahan kurun ke-19. Sejak itu, Gedong mulai dilupakan dan tenggelam oleh kegemilangan tempat-tempat lain. Hal ini, memang disengajakan untuk mengurangkan pengaruh orang-orang Melayu ketika itu dan akan bergantung kepada pemerintahan Brooke.

Berikut merupakan beberapa catatan oleh pengembara tentang Gedong.



### 1. *Nagara-Kertagama (Kretagama)*

Dikarang oleh Rakawi Prapanca daripada Empayar Majapahit Tahun 1365M.

*"Pupuh 14*

*Kandandangan, Landa, Samadang dan Tirem tak terlupakan. Sedu, Barune (ng), Kalka, Saludung, Solor dan juga Pasir. Barito, Sawaku, Tabalung, ikut juga Tanjung Kutei. Malano tetap yang terpenting di pulau Tanjungpura."*

Ada pun *Sedu* dan *Seludung* diterjemahkan sebagai Sadong di Sarawak di Nusa Tanjungnagara (Borneo).

### 2. *Brunei 1839-1963*

Dalam buku ini pengarang memetik "Silsilah Raja Berunai" menceritakan pada tahun 1476, Alak Betatar dan Pateh Berbi telah dianugerahkan lima negeri oleh Sultan Johor seperti berikut;

*"... and he gave them the nobat nagara and gunta alamat, and five countries; Kalakah, Seribas, Sadong, Semerahan, and Sarawak ...."*

Jika kita perhatikan tiap-tiap negeri adalah bernamakan sungai masing-masing. Cuma pertanyaan di sini kenapa Batang Lumar tidak disebutkan? Begitu juga dalam *Nagara Kertagama* yang dikarang oleh Mpu Prapanca, Batang Lumar juga tidak disebut?

### 3. *"The Expedition of HMS Dido to Borneo"*

Ditulis pada Januari dan Oktober 1845;

*"The Dyaks of Tumma run away tribe from Sadong, came down last night, as Bandar Cassim of Sadong wishes to extract property from them ...."*

*"... told me that Abang Tahar, Abang Ally, Abang Bakar, &c. &c. (all of Gadong, under Patingi Muel) ...."*

Menariknya ada dua orang pembesar Gedong disebut di sini, iaitu Datuk Bandar Mohamad Kassim bin Abang Amit dan Datuk Patinggi Muai. Orang-orang lain ialah Abang Taha, Abang Ali dan Abang Bakar. Ingin kita diketahui cerita lanjut mengenai yang lain-lain ini. Terbukti bahawa Gedong ialah pusat pemerintahan Sadong di masa pemerintahan kesultanan Brunei.

4. Catatan dalam buku "*The Best of Borneo Travel*"  
Seorang pengembara mencatatkan perkara seperti berikut tentang Gedong;

*"We left the mine (Simunjan) on 27th November (1855), and the next day (28.11.1855) the village of Gadong, where I stayed a short time to buy fruits and eggs, and call upon the Datu Bandar or Malay governor of the place. He lived in a large and well built house, a very dirty outside and in, and was very inquisitive about my business, and particularly about the coal mines,.....It was evident that Europeans seldom came here, for numbers of women skattered away as I walked through the village; and one girl about ten or twelve years old, who had just brought a bamboo full of water from the river, threw it down with a cry of horror and caught sight of me, turned around and jumped into the stream. She swam beatifully, and kept looking back, screaming violently all the time, while a number of men and boys were laughing at her ignorant terror."*

Pada tahun 1855, Datuk Bandar Abang, Mohd. Kassim bin Abang. Amit masih berada di Gedong. Keadaan rumah orang-orang Gedong juga diberi perhatian oleh penulis tersebut. Yang paling menarik ialah mengenai seorang gadis sunti yang mengambil air dari sungai menggunakan buluh. Itu ialah pandangan dari kaca mata orang putih. Kita perhatikan tidak ada disebut orang Cina di situ. Beliau membeli barang-barang keperluan daripada orang Melayu.

5. Catatan dalam buku "*Ten Years in Sarawak*"

Di dalam buku ini, Charles Brooke menulis mengenai pengalaman-pengalaman beliau di Sarawak. Di antara perkara-perkara yang ada sangkut paut dengan Gedong adalah seperti berikut;

*"A small force of about ten large boats and one pinnace was organised to proceed against the Gadong people of Sadong, where the impostor had principally been supported. The head man of their country, Bandar Kassim, had sent an open challenge to Sarawak ...we were to take Bandar Kassim, dead or alive, and bring him to trial for his rebellious proceedings ...."*

Hal ini berlaku dalam bulan Januari 1860. Tuduhan bersubahat dalam *The Malay Plot* inilah yang menyebabkan Datuk Bandar Abang Mohd. Kassim bin Abang Amit dilucutkan jawatan. Beliau tidak pernah mengaku bersubahat dalam rancangan tersebut. Cuma kebetulan orang yang menyamar pernah melalui Gedong sebelum ke hulu Kapuas sebelum itu. Walau bagaimanapun, Gedong telah ditentukan nasibnya oleh peristiwa tersebut. Maka

Datuk Bandar Abang Mohd Kassim ialah merupakan Datuk Bandar yang terakhir di Gedong (Sadong).

6. Catatan dalam buku "*My Life In Sarawak*"

Buku ini telah ditulis oleh Margaret Brooke Rane of Sarawak, iaitu isteri Rajah Charles Brooke, yang mencatat pengalamannya bermalam di Gedong selama satu malam sekitar tahun 1870-an. Beliau sedang dalam perjalanannya ke hulu Sadong.

*"We slept in a Malay house at a village called Gading. The house was made of palm leaves; the whole construction was lashed together by rattans, as no nail or peg is ever used by poorer Malays in building such humble dwellings. Clean mats were laid on upon the floor, I noticed that one portion of the roof was used as a store room, whilst scattered about the floor were large water-jars and cooking-pans ...."*

Ketika itu, iaitu selepas tahun 1860, Sadong tidak ada lagi Datuk Patinggi dan Datuk Bandar. Sistem telah ditukar oleh pemerintahan Brooke dengan sistem ketua kampung mulai digunakan sejak awal 1850-an. Besar kemungkinan rumah tempat Rane Margaret tidur ialah rumah Ketua Kampung Gedong. Agaknya sambil berbaring di atas tikar bemban yang sejuk, beliau sempat memerhati keadaan rumah. Sekurang-kurangnya dapat digambarkan keadaan rumah orang Gedong ketika itu. Keadaan rumah yang diperbuat daripada daun nipah, berikat dengan rotan, melambangkan suasana keadaan kehidupan orang Gedong pada zaman itu. Tikarnya sudah pastilah tikar bemban yang memang terkenal dibuat dan digunakan di sana. Di atas *padong* (siling) kemungkinan besar ialah *budi* untuk menyimpan padi. Selain daripada itu, *kebok* (tempayan) untuk menyimpan air, terutamanya untuk *ngenin* (proses menjernihkan) air keruh. Bekas memasak serta tempayan-tempayan berserakan di atas lantai atau disebut *jaber*, menandakan yang rumah zaman dulu tidak ada bilik. Istilah *telok* (sudut) digunakan bagi menentukan tempat tidur. Begitulah telitinya seorang wanita memerhati keadaan sekelilingnya, hingga ke hari ini dapat diketahui keadaan rumah orang Gedong pada hujung kurun ke-19 yang lalu.

7. "*A Naturalist in Borneo*"

Dalam bulan Ogos 1903, dalam perjalanannya ke Tabekang dan singgah di Gedong, pengembara ini menulis mengenai Gedong seperti berikut;

*"22nd - Left Sadong (Simunjan) at midday in government boat, with five prisoners from the Sadong goal and a policemen as crew; at 4.30 we reached Gedong, a small Malay village with one Chinese shop; had dinner in the shop and slept in the boat."*

Perjalanan menggunakan pengangkutan sungai, iaitu mengayuh atau mendayung perahu merupakan pengangkutan yang biasa digunakan ketika itu sehingga ke penghujung kurun ke-20. Mereka mengambil masa sekurang-kurangnya selama empat jam untuk sampai ke Gedong. Itu pun mengikut arus pasang yang deras kerana diceritakan ada benak ketika itu. Hanya ada sebuah kedai Cina. Dipercayai kedai tersebut dipunyai oleh Tauke Ati (Goh Ah Tee).

Daripada kisah-kisah yang dicatat oleh pengembara serta penulis mengenai Gedong (Sadong), kita dapati ia telah wujud sejak sebelum pemerintahan kerajaan Kesultanan Brunei lagi. Ia itu seawal Empayar Majapahit, ia itu disebut dalam tahun 1365. Ketika penyerahan negeri-negeri dari Johor sekitar 1476 ke Brunei, Sadong juga ada dinyatakan. Kemudian dalam tahun 1845, Gedong disebut sebagai tempat tinggal dan memerintah Pemerintahan Sadong. Pada tahun 1855 telah diceritakan secara ringkas cara hidup penduduk Gedong. Pada tahun 1870-an, didapati keadaan dalam rumah telah menarik perhatian. Dengan itu dapat disimpulkan keadaan hidup masyarakat ketika itu serta bahan-bahan rumah pun dapat dibayangkan. Pada tahun 1903 telah terdapat sebuah kedai Cina di Gedong dan Simunjan yang menjadi pusat pentadbiran Sadong.

### **Gedong Mensia (Dahulu Kala)**

#### 1. Kampung asal di Gedong

Pada zaman dahulu, pada awal tahun 1960-an, Gedong terdiri daripada beberapa buah kampung. Kampung-kampung tersebut ialah;

1. Kampung Dagang.
2. Kampung Tanjong.
3. Kampung Mayak.
4. Kampung Lubok Lalang.
5. Kampung Perentah.
6. Kampung Masjid.
7. Kampung Tengah.
8. Kampung Ulu (Termasuk Kampung Sekerak).
9. Kampung Kanchong.
10. Penempatan China.

#### 2. Kampung yang Hilang

Kampung Dagang merupakan kampung yang diwujudkan oleh pedagang-pedagang yang datang ke Gedong. Ianya terletak di Remis, sebelah kanan memudiki Batang Sadong, dan bertentangan dengan muara Batang Krang. Tempat tersebut dinamakan Remis kerana terdapat hidupan dalam air di dasar sungai bernama remis. Iaitu berbentuk lokan atau kepah, tetapi mempunyai saiz yang sangat kecil, lebih kurang berukuran satu sentimeter. Ianya banyak terdapat dalam sungai di tempat tersebut. Pada musim-musim tertentu, semacam satu pesta orang menyelam mengambilnya. Pada lewat tahun 1960-an, hanya terdapat sebuah rumah di situ tetapi ketika itu kampung tersebut telah disekalikan sebagai Kampung Tanjong. Sangat sedikit dalam kalangan masyarakat Gedong mengetahui mengenai kewujudan kampung tersebut hari ini, waima dalam kalangan orang tua sekalipun. Bermaksud, Kampung Dagang telah hilang daripada ingatan kebanyakan penduduk Gedong. Nama Kampung Dagang ada tercatat pada surat hakmilik tanah penduduk di situ.

#### 3. Kampung yang Dilupai

Kampung Tanjong terletak di sebelah hulu Kampung Dagang dan di sebelah kanan memudiki Batang Sadong. Lebih kurang bertentangan dengan Kampung Lalang Hilir, Kampung Lalang Tengah dan Kampung Lalang Mayak sekarang. Kini tidak terdapat penduduk di situ lagi. Yang masih kelihatan sebuah rumah tinggalan Abg. Sa'adili bin Abg. Kadir. Di Tahun 1960-an terdapat tidak kurang daripada 15 buah rumah di situ. Selain daripada jalan alun (tanah yang ditimbus supaya tinggi untuk dibuat jalan) bagi menghubungi rumah di situ, pengangkutan utama penduduk ialah menggunakan pengangkutan sungai. Perahu-perahu merupakan pengangkutan utama. Budak-budak sekolah amat pandai mengayuh perahu-perahu kecil, seperti perahu jalor dan jompong. Kedudukan rumah agak jauh daripada satu sama lain. Kini Kampung Tanjong telah dilupai oleh kebanyakan orang Gedong. Malah kewujudannya juga tidak diketahui oleh generasi baru.

#### 4. Kampung yang Bertukar (Nama)

Kampung Mayak terletak di sebelah kiri memudiki Batang Sadong. Merupakan kampung paling hujung selepas Kampung Lubok Lalang. Terdapat lebih daripada 10 buah rumah di situ. Rumah-rumah tidaklah begitu jauh

jarak di antara satu sama lain. Di antara Kampung Mayak dengan Kampung Lubok Lalang ini terdapat perkuburan. Perkuburan ini ada kalanya tempat orang berniat (bernazar). Yang uniknya di antara Kampung Mayak dengan Kampung Lubok Lalang ini (sebelah kubur), terdapat satu bidang tanah yang penuh dengan semak samun di sebelah kiri kanan jalan. Jaraknya lebih kurang 100 meter. Budak-budak memang takut hendak melalui tempat ini, waima pun di hari siang. Selalunya mereka akan berlari jika tidak ditemani oleh orang tua. Kini Kampung Mayak telah ditukar nama ke Kampung Lalang Mayak.

#### 5. Kampung yang Dipecah

Kampung Lubok Lalang terletak di antara Kampung Mayak dengan Ujud Bungin. Terdapat lebih kurang 35 buah rumah di situ. Uniknya Kampung Lubok Lalang daripada kampung-kampung lain ialah di antara kampung ini dengan Kampung Mayak dan Ujud Bungin terdapatnya tanah-tanah yang tidak dipelihara. Di sebelah hulu dengan Kampung Mayak, semak-samun yang ada kubur-kubur lama. Manakala di sebelah hilirnya dengan Ujud Bungin terdapat semak samun berkayu pokok ara yang ditakuti, terutama pada sebelah malam. Kayu ara tempat orang mengantungkan ancak. Ancak-ancak digantung di situ bagi mengamankan penunggu-penunggu agar tidak mengganggu acara yang akan dilangsungkan. Dalam ancak tersebut dibubuh telur, sirih pinang, nasi kuning, tembakau dan sebagainya. Tempat ini dinamakan Sungai Mutu. Malah ianya ditakuti oleh golongan tua juga, bukan saja di kalangan kanak-kanak. Di kampung ini terletak sebuah surau yang dibina serta dikongsi bersama-sama dengan penduduk Kampung Mayak. Ada terdapat kawasan lembu-lembu dipelihara di satu kawasan di situ. Dibuat pagar mengelilingi kawasan dan dibuat pintu-pintu untuk orang lalu-lalang. Kemudiannya kampung ini telah dipecahkan ke Kampung Lalang Hilir dan Kampung Lalang Tengah. Kini tiap-tiap kampung tersebut mempunyai sebuah surau sendiri, begitu juga dengan Kampung Lalang Mayak.

Selain itu, Kampung Tengah juga telah dipecahkan kepada tiga buah kampung baharu. Kampung ini mempunyai rumah terbanyak dalam kalangan kampung-kampung di Gedong. Kampung ini telah dipecahkan kepada Kampung Tengah Hilir, Kampung Tengah Lama dan Kampung Tengah Hulu. Kampung Ulu telah dipecahkan menjadi Kampung Segera Jaya (dahulu juga dikenali

sebagai Kampung Sekerak) dan Kampung Kanchong Jaya.

#### 6. Kampung Pindah

Sebenarnya bukan kampung yang pindah, akan tetapi penduduk-penduduknya berpindah keseluruhannya keluar dari kawasan Gedong. Kampung yang dimaksudkan ialah Penempatan Cina di sebelah kiri (mudik ke hulu) Batang Krang. Tauke Ati (Goh Ah Tee) ialah Cina pertama menetap dan berniaga di Gedong. Generasi keduanya ialah pengasas kilang papan di Gedong, iaitu Tauke Bujang yang terbunuh dalam kemalangan berlanggar bot di Tanjung Lirang, Batang Sadong pada sekitar tahun 1960. Kini, kilang tersebut tidak wujud lagi. Terdapat belasan buah rumah Cina di situ. Mereka bergiat dalam pelbagai perniagaan barangan, kayu-kayan, berkebun, tukang emas, pengusaha kilang padi, kilang papan dan sebagainya. Terdapat sebuah sekolah Cina Chung Hua di belakang Kubur Sebatang. Kini kesemua mereka dan keturunannya telah berpindah keluar dari Gedong ke tempat-tempat lain.

#### 7. Kampung Baharu


Kini telah wujud dua buah kampung baharu di Gedong. Kampung-kampung tersebut adalah Kampung Kanchong Baru dan Kampung Lot Baru. Kampung Kanchong Baru wujud dengan pertambahan rumah-rumah baru di sebelah hulu Kampung Kanchong Jaya. Pertambahan baharu ini sehingga hampir ke kawasan Sungai Kola Ilir. Haji Omar serta Haji Srie bin Mohamad adalah merupakan beberapa orang yang memulakan penempatan Kampung Kanchong Baru ini. Kemudiannya telah banyak rumah dibina di situ. Kampung Lot Baru pada asalnya diwujudkan untuk memindahkan penduduk di Kampung Perentah, tetapi kemudiannya telah diberikan kepada mereka yang memerlukan tanah untuk membuat rumah. Kampung ini terletak di belakang Kampung Lalang Hilir, Kampung Lalang Tengah dan Kampung Lalang Hulu.

Ada dua tempat berpotensi akan wujud kampung-kampung baharu adalah pertamanya, di sepanjang jalan dari Sungai Kola Ilir hingga ke SMK Gedong (Sungai Kola Ulu). Keduanya, ialah kawasan dari jambatan Sungai Putus hingga ke Kampung Spaoh (Iban) di sepanjang jalan Gedong-Gumpey. Ini disebabkan sudah terdapat agak banyak rumah-rumah baharu di situ

#### 8. Kampung Kekal

Hanya ada dua buah kampung yang masih kekal namanya. Kampung-kampung tersebut ialah Kampung Perintah serta Kampung Masjid. Kampung Masjid dinamakan sedemikian kerana di situlah terdapatnya satu-satunya masjid di Gedong. Manakala Kampung Perintah, mendapat nama tersebut kerana terdapatnya pemerintahan di situ. Atau dengan kata lain, kerana ianya terletak berhampiran dengan pejabat-pejabat serta institusi-institusi kerajaan.

### 9. Ujud Bungin



Ujud Bungin merupakan tempat pertemuan Batang Krang dengan Batang Sadong. Ujud Bungin, sebenarnya ialah di bawah Kampung Perintah. Ianya sengaja diasingkan kerana keunikan tempat ini. Di Ujud Bungin ini, konon letaknya lubang yang terus dihubungkan dengan Brunei dan juga Aur Menang di Serian.

Di sebelah Batang Krang terdapatnya matong (tanah timbul dalam sungai ketika air kecil) yang mempunyai buan (laluan yang boleh dilalui perahu) untuk dilalui ketika air kecil. Di seberangnya ialah Kubur Muara Gedong.

Di ujudnya (hujung tanjung pertemuan tebing-tebing Batang Sadong dan Batang Krang), terdapat sebuah sungai kecil serta pokok-pokok engkabang. Di sungai kecil tersebut terdapat tandas untuk kegunaan murid-murid dan guru-guru sekolah berdekatan. Rumah penduduk Kampung Perintah yang paling hampir dengan Ujud Bungin adalah rumah Abang Junaidi bin Abang Mohamad.

Di Batang Sadong terdapat pokok-pokok *ijok*, *engkabang* dan *baruk*. Pokok-pokok ini menjadi tempat orang kampung menggantung *ancak*. Kadang-kadang ada anak-anak nakal yang memakan telur yang diletak pada *ancak-ancak* ini. Suatu ketika, maka ditakdirkan beberapa orang anak berebut-rebut mengambil telur *ancak*. Dalam perebutan tersebut, ada seorang kanak-kanak mengupas dan memakannya dengan cepat sekali. Sebaik sahaja masuk ke dalam mulutnya, dengan sertamerta dia menghembus dan tersembur keluarlah telur tadi. Rupa-rupanya, beliau telah termakan telur *bala'* (busuk). Di dalam sungai itu juga kanak-kanak menyelam mencari duit syiling yang dibaling oleh orang yang berniat (bernazar) di situ. Bukan sekadar duit-duit baharu sahaja dijumpai, kadang-kadang boleh terjumpa dengan duit syiling lama. Di sebelah hulunya sedikit, telah tempat dijumpai banyak tembikar lama yang telah berusia ratusan tahun. Tembikar-tembikar ini muncul dari tebing sungai yang terhakis oleh air. Di sinilah, tempat penggalian oleh pihak Muzium Sarawak lakukan pada penghujung tahun 1960-an dahulu.

Di sebelah Batang Sadong juga, bangunan kerajaan yang paling hampir Ujud Bungin adalah bangunan Sekolah Lama Abang Kadir Gedong. Di sinilah bermulanya SK Abang Kadir pada awal tahun 1950-an dahulu. Bangunan ini telah dibangunkan dengan bahan-bahan diderma orang kampung dan pembinaannya telah dilakukan secara gotong royong. Di antara bangunan ini dengan Batang Sadong terdapat padang permainan.

Bangunan sekolah ini tempat wayang gambar bergerak (*travelling cinema*) ditayangkan. Beberapa orang pengusaha wayang bergerak akan datang ke Gedong sekali-sekala untuk menjalankan perniagaan mereka. Sesampainya mereka di Gedong, ada budak-budak akan disuruh menjaja program sekeliling kampung untuk memaklumkan tentang

cerita yang akan ditayangkan malam nanti. Sebahagiannya pula akan menyusun bangku dan meja di sekolah di satu sudut, agar tidak diganggu oleh penonton- penonton. Penjaja program dan penyusun-penyusun bangku meja tadi akan dapat masuk percuma semasa tayangan nanti. Penonton-penonton akan duduk di atas lantai. Bekalan elektrik dibekalkan oleh generator yang dibawa bersama oleh operator wayang. Pagi besoknya setelah tayangan wayang malamnya, maka budak-budak yang menyusun bangku meja semalam kena bertugas menyusun bangku meja seperti asalnya. Masa alahnya, jika keadaan malamnya hujan atau air acap (air pasang besar yang melimpahi tebing), maka banyaklah lumpur tertinggal di lantai sekolah. Maka pandai-pandailah cikgu-cikgu dan murid-murid memainkan peranan masing-masing.

Manakala di sebelah sekolah lama tersebut, terdapat kubu atau lebih dikenali sebagai Rumah *Court*. Bangunan ini telah dibina pada zaman Pemerintahan Brooke. Pada zaman Brooke kubu ini digunakan sebagai pusat pentadbiran. Antaranya sebagai mahkamah, pusat pentadbiran dan sebagainya. Di belakangnya pula ialah rumah *Court Peon*. Di sebelah rumah *Court Peon* merupakan kuarters pegawai hutan dan di sebelahnya adalah Pejabat Daerah Kecil Gedong. Ianya telah siap di awal tahun 1960-an dan dijaga oleh seorang *court peon*. Anehnya Gedong tidak pernah menjadi Pejabat Daerah Kecil baik pada zaman British, atau hingga kini. Hanya di sekitar tahun 2010, seorang SAO telah ditempatkan di Pejabat Daerah Kecil Gedong. Kini jawatan tersebut tidak wujud lagi, dan seorang *court peon* (budak pejabat) tetap penjaga (bertugas) di situ. Bersebelahan dengan pejabat ini kuarters pegawai pertanian dan pegawai perhutanan.

Di depan pejabat daerah ini terdapat padang bola sepak. Di sinilah segala kegiatan sukan diadakan. Baik sukan sekolah atau pun bermain bola pada sebelah petang. Ada kalanya rumput begitu panjang di sini. Maka budak-budak sekolah akan bekerja pada sebelah petang hari sekolah memotong rumput di situ atau membersihkan parit di sekelilingnya. Sekali-sekala

orang kampung akan bergotong-royong menebas dan membersihkan parit-parit di sekeliling padang tersebut. Kadang-kadang ada kerbau yang menolong meragut rumput di situ.

Sebuah *Dispensary* terdapat di sebelah tepi padang, menghadap ke Batang Sadong. Ianya dibuat dengan bahan-bahan yang di derma oleh penduduk-penduduk kampung dan dibina secara gotong-royong. Seorang *Dresser* bertugas merawat pesakit-pesakitnya di situ. Kebun murid-murid SK Abang Kadir terdapat di tebing Batang Sadong di sebelah rumah *Dresser* yang juga berdekatan dengan *Dispensary*.

Manakala di hujung padang, yang bertentangan dengan pejabat daerah kecil, terdapat bangunan-bangunan utama SK Abang, Kadir. Pada tahun-tahun 1960-an, mulanya sebuah bangunan baharu sekolah dibina sama dengan



sebuah kuarters (barrack) guru, menempatkan dua unit kediaman. Di antara bangunan sekolah dengan dua buah jamban, ia itu di sebelah belakangnya pula, terdapat sebuah rumah kediaman yang dipunyai oleh Sulong bin Gapor. Ianya telah di roboh tidak lama kemudian. Terdapat

sebuah rumah yang dipunyai oleh Majais bin Mahmud di hadapan blok sekolah tersebut. Tidak lama kemudian telah ditambah dengan dua buah blok bangunan sekolah, menjadikannya tiga buah blok bangunan sekolah. Dibina juga sebuah rumah untuk guru dan sebuah asrama untuk murid-murid dari Kampung Gumpey yang belajar di SRK Abang Kadir secara gotong-royong. Pelajar-pelajar dari Spaoh yang belajar di sekolah yang sama, tinggal di rumah kedai tauke Tengki di penempatan Cina di Batang Krang. Jadi mereka berperahu berulang-alik ke sekolah setiap hari.

Di hadapan rumah Majais bin Mahmud atau di sebelah padang bola sepak, terdapat sebuah balai raya yang dibina oleh kerajaan.

### Gedong Kini

Dengan adanya kemudahan jalan raya dari jalan utama Serian-Simanggang ke Gedong pada tahun 1972, bekalan elektrik pada pertengahan tahun 1970-an, dan bekalan air pada awal tahun 1980-an termasuklah sekolah, klinik, masjid, surau, jalan raya dan termasuk berubah dari kampung-kampungnya.

Kampung-kampung terkini di Gedong adalah seperti berikut:

1. Kampung Lalang Mayak
2. Kampung Lalang Tengah
3. Kampung Lalang Hilir
4. Kampung Perentah
5. Kampung Masjid
6. Kampung Tengah Hilir
7. Kampung Tengah Lama
8. Kampung Tengah Hulu
9. Kampung Lot Baru
10. Kampung Segera Jaya
11. Kampung Kanchong Jaya
12. Kampung Kanchong Baru

Gedong amat berbeza sekali dengan pada tahun 1960-an atau sebelumnya. Bukan itu sahaja, keadaan sekelilingnya pun jauh berbeza dengan dibawa oleh arus pemodenan yang begitu cepat maju ke hadapan. Begitulah keadaan Gedong pada satu masa dahulu yang kini telah mula dilupakan kerana ditelan zaman.

